

04/08/1999

BN Terengganu sedia hadapi pilihan raya

DUNGUN, Selasa - Jentera Barisan Nasional (BN) Terengganu sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan bila-bila masa sekarang, kata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Beliau yakin BN akan terus mendapat sokongan semua lapisan masyarakat kerana terbukti ia sudah banyak berjasa kepada rakyat, negara dan agama.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Mesra di antara kerajaan dan kakitangan semua jabatan di daerah ini, di Dewan Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail, di sini pagi ini.

Wan Mokhtar sependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta semua jentera BN bergerak untuk memastikan kerja di semua peringkat dijalankan dengan sempurna.

"Pendapat Perdana Menteri itu selaras dengan kehendak Islam yang mahukan umatnya sentiasa bekerja keras dalam menentukan masa depan bangsa, negara dan agama.

"Ini menjadi tugas semua peringkat rakyat supaya mempertahankan kemerdekaan, kemakmuran yang sedang dikecapi sebagai tanda syukur terhadap nikmat yang dikurniakan Allah," katanya.

(END)